



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

OTI 1  
TAHUN 2011  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
PERDAGANGAN  
3755/2  
Kertas 2

1 jam Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

*Disediakan Oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai Oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak Oleh:*  
**Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.**  
*Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**Bahagian A****Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini**

1. a) Jelaskan jenis pengeluaran berikut:

- i. pengeluaran langsung. (3 markah)  
ii. pengeluaran tidak langsung. (3 markah)

- b) Pernyataan di bawah menunjukkan jenis-jenis nilai faedah.

Nilai faedah	Pernyataan
X	Getah asli diubah menjadi tayar
Y	Kayu balak dipindah ke kilang untuk diproses
Z	Kad ucapan disimpan dan dijual pada musim perayaan

Terangkan jenis nilai faedah dalam pernyataan X, Y dan Z.

(6 markah)

- c) "Seorang usahawan adalah juga seorang peniaga, tetapi seorang peniaga tidak semestinya seorang usahawan".

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan tiga perbezaan di antara peniaga dan usahawan.

(6 markah)

- d) Mengapakah industri moden pada masa kini mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran?

(7 markah)

**SULIT**

3755/2

2. a) Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Butik Salmah.

ASAL	No. 6474																																						
<b>INVOIS</b> <b>Pemborong Desa Payang Sdn.Bhd.</b> <b>211 Jalan Baru</b> <b>20000 Kuala Terengganu.</b> <b>Tel : 09-6232322 Fax: 09-6232321</b>																																							
<b>Tarikh:</b> 19 Mac 2011 <b>Kepada,</b> <b>Butik Salmah,</b> <b>34 Jalan Air Biru,</b> <b>23000 Dungun, Terengganu.</b>																																							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">No Rujukan</th> <th style="width: 25%;">Butiran</th> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 20%;">Harga/Seunit</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P093</td> <td>Baju kanak-kanak</td> <td>150 pasang</td> <td>RM 20.00</td> <td>3000.00</td> </tr> <tr> <td>P234</td> <td>Kain pasang</td> <td>50 pasang</td> <td>RM 30.00</td> <td>1500.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>4500.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>900.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>Jumlah</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>3600.00</td> </tr> </tbody> </table>					No Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga/Seunit	Jumlah (RM)	P093	Baju kanak-kanak	150 pasang	RM 20.00	3000.00	P234	Kain pasang	50 pasang	RM 30.00	1500.00					4500.00					900.00					Jumlah					3600.00
No Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga/Seunit	Jumlah (RM)																																			
P093	Baju kanak-kanak	150 pasang	RM 20.00	3000.00																																			
P234	Kain pasang	50 pasang	RM 30.00	1500.00																																			
				4500.00																																			
				900.00																																			
				Jumlah																																			
				3600.00																																			
<b>Syarat :</b> 5% 7 hari, 2% 30 hari. <b>Serahan :</b> Angkutan Dibayar. <b>K.&amp;K. diK</b>																																							
<i>Salmah</i> Penerima		<i>Hasbulllah</i> Pengurus																																					

- i. Jelaskan dua kegunaan dokumen tersebut. *(2 markah)*
  - ii. Hitungkan jumlah yang perlu dijelaskan oleh Butik Salmah jika bayaran dibuat pada 27 Mac 2011. (Tunjukkan kerja mengira) *(4 markah)*
  - iii. Nyatakan kepentingan diskaun niaga dan diskaun tunai kepada Pemborong Desa Payang Sdn. Bhd. *(4 markah)*
- b) Mengapakah pengeluar masih memerlukan perkhidmatan pemborong dalam pengagihan barang keluarannya? *(6 markah)*
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan antarabangsa? *(5 markah)*

- d) Situasi berikut berlaku kepada seorang peniaga.

Puan Ani pengedar bunga orkid segar di Dungun, Terengganu telah menerima inden daripada Encik Yamata seorang pengimport bunga dari Jepun. Encik Yamata memesan 400 dozen bunga orkid putih dan 300 dozen bunga orkid jingga.

- i. Kenal pasti jenis inden yang diterima oleh Puan Ani. **(1 markah)**
- ii. Jelaskan jenis inden tersebut. **(3 markah)**

SULIT

3755/2

3. a) Gambar di bawah berkaitan dengan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana.



- Nyatakan jenis kegiatan Industri Kecil dan Sederhana di atas dan berikan contoh yang sesuai. (2 markah)
  - Terangkan dua jenis kegiatan Industri Kecil dan Sederhana selain yang dinyatakan di (i). (4 markah)
- b) Terangkan tiga sumbangan IKS kepada negara. (6 markah)
- c) Pernyataan di bawah berkaitan dengan cara memulakan perniagaan.

Encik Riduan, Encik Rakesh dan Encik Ramlan ingin mengusahakan restoran di bandar Kemaman. Setelah mengadakan beberapa siri perbincangan dan menimbang faktor-faktor tertentu, mereka bersetuju untuk memulakan perniagaan dengan membeli beberapa buah restoran yang beroperasi di kawasan berkenaan.

- Apakah cara memulakan perniagaan yang dinyatakan di atas? (1 markah)
  - Nyatakan kelebihan yang dinikmati oleh dengan keputusan tersebut? (4 markah)
- d) Berikut adalah dua jenis milikan perniagaan.

MILIKAN A	MILIKAN B
KILANG ROTI AHMAD DAN ANAK-ANAK	SYARIKAT PERPADUAN SDN. BHD

Terangkan kelebihan jenis milikan perniagaan B berbanding milikan A.

(8 markah)

4. a)

**KUMPULAN X**

Bank Muamalat Malaysia Berhad  
 RHB Islamic Bank Berhad  
 Bank Islam Malaysia Berhad

**KUMPULAN Y**

Maybank Berhad  
 RHB Bank Berhad  
 Hong Leong Bank Berhad

Rajah di atas menunjukkan dua kumpulan bank utama di Malaysia tetapi mengamalkan dua sistem perbankan yang berbeza.

- i) Sebutkan dua sistem perbankan yang diamalkan oleh dua kumpulan bank di atas. *(2 markah)*
- ii) Berikan tiga perbezaan di antara dua sistem perbankan tersebut. *(6 markah)*

b)




- i. Nyatakan jenis bank di atas. *(1 markah)*
  - ii. Jelaskan fungsi bank di atas. *(5 markah)*
- c) Berikut merupakan maklumat tentang sebuah syarikat Bumiputera di Bandaraya Kuala Terengganu.

Nama Syarikat	:	Terang Benderang.Com
Bidang perniagaan	:	Membekalkan peralatan elektrik jenama 'Global' bertaraf dunia
Masalah dihadapi	:	Kekurangan aliran tunai akibat daripada pembeli yang lambat menjelaskan bayaran (melebihi 6 bulan)

Dalam usaha mengatasi masalah tersebut, pihak syarikat telah bercadang untuk menjual invois kepada sebuah institusi kewangan tempatan yang terkenal.

- i. Namakan kaedah pembiayaan ini. *(1 markah)*
  - ii. Apakah kelebihan kaedah ini kepada peniaga. *(3 markah)*
- d) Terangkan faedah yang diperolehi oleh seseorang yang membeli saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia. *(7 markah)*

5. a) Gambar menunjukkan sejenis perkhidmatan telekomunikasi secara lisan.




Nyatakan jenis-jenis panggilan yang disediakan oleh perkhidmatan tersebut. (6 markah)

b)

Semasa cuti semester baru-baru ini, Cik Nor Amirah bekas pelajar SMK Rasau, Kemaman yang melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah telah tertinggal surat perjanjian biasiswa Yayasan Sabah. Surat perjanjian perlu diserahkan kepada Yayasan Sabah sebaik pengajian semester bermula.

Berdasarkan pernyataan di atas jelaskan jenis perkhidmatan mel yang sesuai digunakan oleh keluarga Cik Nor Amirah untuk menghantar dokumen tersebut. (4 markah)

- c) Jelaskan tiga peranan pergudangan dalam perniagaan. (6 markah)
- d) Gambar berikut menunjukkan sejenis gudang.



- i. Apakah maksud gudang di atas. (1 markah)
- ii. Nyatakan jenis-jenis gudang di atas. (4 markah)
- iii. Terangkan kepentingan gudang di atas kepada peniaga. (4 markah)

**Bahagian B**

[ 25 markah ]

Soalan ini *wajib* dijawab

6. Syarikat Lestari Sdn. Bhd. merupakan pembekal perabot jati terbesar bagi negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu sejak 15 tahun lepas. Syarikat ini terletak di bandar Kuala Terengganu. Bekalan perabot jati ini diperolehi dari Indonesia. Pelbagai jenis perabot jati yang menarik diperolehi daripada pembekal di Indonesia. Perabot-perabot yang baru sampai akan disimpan di dalam gudang sebelum dipamerkan kepada bakal pembeli di premis perniagaannya.

Perabotnya mendapat tempahan yang banyak khususnya peniaga-peniaga dari negeri Pahang dan Kelantan. Tempahan perabot oleh pembeli dari luar dan dalam negeri Terengganu dihantar menggunakan pengangkutan darat yang sesuai bagi menjamin kualiti produknya. Memandangkan premis perniagaannya terdedah kepada beberapa risiko yang boleh membahayakan para pelanggannya, syarikat telah mengambil insurans liabiliti awam bagi mengelakkan berlaku kerugian akibat risiko berkenaan. Perkembangan ekonomi negara yang semakin meningkat telah melonjakkan permintaan terhadap perabot jati jualannya sebanyak 80 peratus.

Syarikat telah membeli 10 buah lori kontena dan 5 buah lori biasa bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Penambahan tenaga kerja dalam syarikat ini telah dilakukan dengan mengambil penduduk sekitar Kuala Terengganu untuk menjadi pemandu lori.

Baru-baru ini premis perniagaan Syarikat Lestari Sdn. Bhd. telah terbakar dan memusnahkan sebahagian besar perabot jualannya. Tuntutan gantirugi telah dibuat oleh Syarikat Lestari Sdn Bhd kepada syarikat insurans, namun tuntutan itu telah ditolak kerana tidak mematuhi prinsip-prinsip insurans.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan di bawah.

- a) i. Apakah jenis pengangkutan yang sesuai digunakan oleh Syarikat Lestari Sdn. Bhd. untuk menghantar perabot ke Marang? (1 markah)  
ii. Berikan empat kelebihan menggunakan jenis pengangkutan di (a)(i). (4 markah)
- b) Terangkan tiga kelebihan mengangut perabot menggunakan pengkontenaan. (6 markah)
- c) Mengapa tuntutan ganti rugi oleh Syarikat Lestari Sdn Bhd ditolak oleh syarikat insurans. (4 markah)
- d) Jika syarikat mengambil polisi insurans kebakaran, terangkan dua faktor yang menentukan kadar premiumnya. (2 markah)
- e) Selain insurans di (d), terangkan tiga insurans lain yang boleh diambil oleh Syarikat Lestari Sdn. Bhd. (8 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**